

# Perak perketat beri tanah

BH. 21/1/2016 ms. 27.

» Kerajaan negeri pastikan pemilikan diberi kepada yang berhak

Oleh Shaarani Ismail  
shaarani@bh.com.my

■ Ipoh

**K**erajaan Perak akan memperketatkan proses pemberian kawasan tanah, pemilikan serta urusan pindah milik bagi memastikan proses atau keputusan yang sudah ditetapkan, dilakukan sebaiknya.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata perkara itu perlu diberi perhatian di semua pejabat kerajaan khususnya di Pejabat Tanah dan Daerah di seluruh negeri bagi memastikan pemilikan atau pemberian diberikan kepada mereka yang berhak.

“Sebagai contoh, apabila kerajaan negeri hendak menja-

lankan proses pemutihan atau memberikan kebenaran kepada sesuatu kawasan sama ada membabitkan tanah yang diusahakan iaitu kawasan tanah kecil atau tapak rumah yang sudah didiami begitu lama, kita ingin memastikan keadilan dapat diberikan kepada mereka yang benar-benar tinggal di kawasan berkenaan.

“Kerajaan negeri tidak akan teragak-agak mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak atau kakitangan awam atau sesiapa yang melakukan penyelewengan atau bertindak tidak seperti yang diputuskan oleh kerajaan negeri.

## Selesai masalah

“Ada kawasan yang kita (kerajaan negeri) berikan keputusan untuk menyelesaikan masalah penempatan penduduk yang telah tinggal di satu-satu kawasan yang begitu lama, tetapi akhirnya kawasan itu diberikan kepada pihak lain,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Mingguan EXCO kerajaan negeri di sini, semalam.

Zambry berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan



Zambry Abdul Kadir

terperinci terhadap kes seumpamanya dan tidak akan sekali-kali berkompromi dengan penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang dilakukan dalam hal sedemikian.

Katanya, kerajaan negeri juga menjalankan siasatan termasuk membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan menubuhkan sebuah pasukan khas dalam menangani perkara itu dan siasatan mengenainya dijangka siap tidak lama lagi.

Sementara itu, mengulas mengenai penganugerahan pingat kebesaran daripada beberapa individu yang mendakwa sebagai pewaris kesultanan yang mengaitkan Perak, beliau berkata di Perak, hanya satu pihak yang berkuasa mengeluarkan pingat kebesaran negeri.

## Jangan terpengaruh

“Jangan terpengaruh dan jangan disebarkan begitu mudah mendapatkan nama dan gelaran sehingga pihak lain mengambil kesempatan,” katanya.

Dalam pada itu, Zambry turut mengumumkan pengiktirafan yang diterima kerajaan negeri melalui penganugerahan Award of Meritorius Distinction for Leadership in Eradicating Poverty daripada Asian University of Bangladesh.

Anugerah berkenaan diberikan universiti terbabit berdasarkan kepada ketokohan kepemimpinan beliau dalam pelbagai program membina upaya rakyat dan membasmi kemiskinan melalui Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR).